

## **Notis Privasi**

ZICO Holdings Inc dan anak syarikatnya ("**Kumpulan ZHI**", atau "**kami**") mungkin akan mengumpul, merekod, menyimpan, menggunakan, dan memproses data peribadi anda mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Notis ini merangkumi data peribadi yang kami pegang atau di bawah kawalan kami.

*"Data Peribadi" bermaksud data, sama ada benar atau tidak, tentang pelanggan yang boleh dikenal pasti: (a) daripada data tersebut; atau (b) daripada data itu dan maklumat lain yang kami pegang atau mungkin mempunyai akses.* Contoh data peribadi yang kami mungkin akan mengumpul daripada anda termasuk nama, alamat kediaman, alamat e-mel, nombor telefon, kewarganegaraan, jantina, tarikh lahir, status perkahwinan, gambar, maklumat pekerjaan dan maklumat kewangan.

### **Cara kami mengumpul Data Peribadi anda**

Kami mungkin mengumpul Data Peribadi anda yang anda berikan sendiri atau melalui pihak ketiga yang anda benarkan untuk mendedahkan data peribadi anda ("**wakil yang diberi kuasa**") melalui hubungan anda dengan kami, seperti melalui apa-apa maklumat yang diberikan dalam borang atau dokumentasi yang diberikan kepada kami, melalui komunikasi lisan dan bertulis dengan anda atau wakil yang diberi kuasa, daripada sumber lain yang telah anda telah berikan kebenaran untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda, atau daripada sebarang maklumat yang dikumpul apabila anda melawati laman web kami yang mungkin termasuk alamat IP anda atau daripada data yang dikumpul melalui kuki.

### **Cara kami menggunakan Data Peribadi anda**

Kami mungkin mengumpul dan menggunakan Data Peribadi anda untuk mana-mana atau kesemua tujuan berikut:

- (a) melaksanakan tanggungjawab kami berkaitan dengan perkhidmatan kami kepada anda;
- (b) mengesahkan identiti anda;
- (c) menjawab, mengendalikan dan memproses pertanyaan, permintaan, permohonan, aduan dan maklum balas daripada anda;
- (d) menguruskan hubungan anda dengan kami;
- (e) menyediakan maklumat, bahan, penerbitan dan komunikasi kepada pelanggan (termasuk jemputan ke acara berkaitan dengan perkhidmatan yang kami sediakan);
- (f) mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan, kod amalan, garis panduan atau peraturan yang berkenaan, atau untuk membantu dalam penguatkuasaan undang-undang dan penyiasatan yang dijalankan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan/atau kawal selia;
- (g) sebarang tujuan lain yang kami memaklumkan kepada anda;
- (h) menghantar kepada mana-mana pihak ketiga termasuk ejen perkhidmatan pihak ketiga kami, dan pihak berkuasa kerajaan dan/atau kawal selia yang berkaitan, sama ada di Malaysia, Singapura atau di luar negara, untuk tujuan yang disebutkan di atas; dan
- (i) sebarang tujuan lain yang berkaitan dengan perkara di atas.

Pengumpulan Data Peribadi anda oleh kami adalah mandatori atau secara sukarela bergantung kepada tujuan Data Peribadi anda dikumpul. Jika anda gagal atau memilih untuk tidak memberikan data tersebut, atau tidak memberi persetujuan terhadap yang dinyatakan di atas atau Pernyataan Privasi ini, kami mungkin tidak dapat memberikan perkhidmatan kepada anda dan/atau untuk menilai dan memproses permohonan anda.

### **Penzahiran Data Peribadi anda**

Sebagai sebahagian daripada perkhidmatan kami dan untuk tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini berkenaan penggunaan dan pemprosesan Data Peribadi anda, anda membenarkan dan memberi kuasa kepada kami untuk menzahirkan Data Peribadi anda dengan:

- (a) entiti lain dalam Kumpulan ZHI;
- (b) syarikat dan individu yang bertindak sebagai ejen, kontraktor, ahli gabungan, penyedia perkhidmatan, rakan kongsi strategik/niaga, penasihat profesional, dan pekerja, pengarah dan pegawai kami bagi semua pihak yang disebutkan di atas; dan
- (c) mana-mana pihak lain di mana penzahiran diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab kami berkaitan dengan perkhidmatan kami kepada anda.

### **Menarik balik persetujuan anda**

Persetujuan yang anda berikan untuk pengumpulan, penggunaan dan penzahiran Data Peribadi anda akan kekal sah sehingga anda menarik balik persetujuan anda secara bertulis. Anda boleh menarik balik persetujuan anda dan meminta kami berhenti mengumpul, menggunakan dan/atau menzahirkan Data Peribadi anda untuk mana-mana tujuan yang disenaraikan di atas dengan mengemukakan permintaan anda secara bertulis atau melalui e-mel kepada butiran hubungan yang diberikan di bawah.

Setelah menerima permintaan bertulis anda untuk menarik balik persetujuan anda, kami mungkin memerlukan masa yang munasabah (bergantung pada kerumitan permintaan anda dan kesannya terhadap perkhidmatan kami kepada anda) untuk permintaan anda diproses dan untuk kami memaklumkan anda tentang akibat anda menarik balik persetujuan anda, termasuk sebarang akibat undang-undang yang boleh menjejaskan hak dan liabiliti anda kepada kami. Secara amnya, kami akan berusaha untuk memproses permintaan anda dalam empat belas (14) hari perniagaan selepas menerima sebarang permintaan bertulis untuk menarik balik persetujuan.

Walaupun kami menghormati keputusan anda untuk menarik balik persetujuan anda, sila ambil perhatian bahawa bergantung kepada jenis dan skop permintaan anda, kami mungkin tidak boleh meneruskan perkhidmatan kami kepada anda dan kami akan memaklumkan anda sebelum menyelesaikan pemprosesan permintaan anda. Sekiranya anda memutuskan untuk membatalkan penarikan balik kebenaran anda, sila maklumkan kepada kami secara bertulis mengikut cara yang dinyatakan di atas.

Sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan anda tidak menjejaskan hak kami untuk terus mengumpul, menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi anda di mana pengumpulan, penggunaan dan penzahiran tanpa kebenaran dibenarkan atau diperlukan di bawah undang-undang yang berkenaan.

## **Akses dan Pembedulan Data Peribadi**

Jika anda ingin (a) meminta akses kepada salinan Data Peribadi anda yang kami pegang atau maklumat tentang cara kami menggunakan atau menzahirkan Data Peribadi anda, atau (b) meminta pembedulan atau mengemas kini mana-mana Data Peribadi anda yang kami pegang tentang anda, anda boleh menghantar permintaan anda secara bertulis atau melalui e-mel yang diberikan di bawah.

Sila ambil perhatian bahawa bayaran yang berpatutan mungkin dikenakan untuk permintaan akses. Jika ada bayaran berkenaan, kami akan memaklumkan kepada anda tentang bayaran sebelum memproses permintaan anda.

Kami akan membalas permintaan anda secepat mungkin. Secara umum, kami akan membalas jawab dalam masa dua puluh (20) hari perniagaan. Sekiranya kami tidak dapat menjawab permintaan anda dalam masa tiga puluh (30) hari selepas menerima permintaan anda, kami akan memaklumkan kepada anda secara bertulis dalam masa tiga puluh

(30) hari. Jika kami tidak dapat memberikan anda sebarang Data Peribadi atau membuat pembedulan yang anda minta, kami secara akan memaklumkan anda sebab-sebab kami tidak dapat berbuat demikian (kecuali apabila kami tidak dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang yang berkaitan) .

## **Ketepatan Data Peribadi**

Kami biasanya bergantung pada Data Peribadi yang anda (atau wakil diberi kuasa) berikan. Untuk memastikan kami mempunyai Data Peribadi terkini, lengkap dan tepat, sila maklumkan kami secara bertulis atau melalui e-mel jika terdapat perubahan pada Data Peribadi anda.

## **Langkah Keselamatan**

Kami mengambil langkah-langkah keselamatan demi melindungi maklumat Data Peribadi dalam kawalan kami dari sebarang kehilangan, penyalahgunaan dan pemindaan. Walaupun kami tidak menjamin bahawa kehilangan, penyalahgunaan dan pemindaan tidak akan berlaku, kami akan menggunakan prosedur ketat serta ciri-ciri keselamatan untuk mencegah akses yang tidak dibenarkan.

## **Laman Web Pihak Ketiga**

Laman web kami mungkin mengandungi pautan ke laman web pihak ketiga. Sila ambil perhatian bahawa kami tidak mengawal laman web daripada pihak luar ini dan ia mungkin mempunyai amalan privasi yang berbeza. Kami menggalakkan anda untuk membaca notis privasi laman web pihak ketiga tersebut bagi memahami bagaimana data peribadi anda dikumpul, digunakan, dan dikongsi.

## **Penyimpanan Data Peribadi**

Kami mungkin menyimpan data peribadi anda selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan, atau seperti yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan.

Kami akan berhenti menyimpan data peribadi anda, atau mengalih ciri-ciri data yang boleh dikaitkan dengan anda, sebaik sahaja munasabah untuk menganggap bahawa pengekalan Data Peribadi anda tidak lagi memenuhi tujuan data peribadi itu dikumpulkan, dan tidak diperlukan untuk tujuan undang-undang atau untuk perkhidmatan kami kepada anda.

## **Kesan Notis dan Perubahan**

Notis ini perlu dibaca bersama dengan mana-mana notis lain, klausa kontrak dan klausa persetujuan mengenai pengumpulan, penggunaan dan penzahiran Data Peribadi anda oleh kami.

Kami boleh meminda Notis ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Anda boleh menentukan sama ada sebarang pemindaan dilakukan dengan merujuk pada tarikh Notis ini. Penggunaan perkhidmatan kami yang berterusan merupakan pengakuan dan penerimaan anda terhadap sebarang pemindaan kepada notis ini.

## **Privasi Kanak-Kanak**

Perkhidmatan dan laman web kami secara amnya tidak bertujuan untuk kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, dan kami tidak mengumpul atau memproses data peribadi kanak-kanak di bawah umur ini tanpa kebenaran ibu bapa atau penjaga. Jika kami mendapati bahawa kami secara tidak sengaja telah mengumpul data peribadi daripada kanak-kanak tanpa kebenaran yang boleh disahkan daripada ibu bapa atau penjaga, kami akan mengambil langkah untuk memadamkan maklumat tersebut seberapa segera yang mungkin. Jika anda percaya bahawa kami secara tidak sengaja telah mengumpul data peribadi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, sila hubungi kami, dan kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

## **Hubungi Kami**

Anda boleh menghubungi kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas tentang dasar dan prosedur perlindungan data peribadi kami, atau jika anda ingin membuat sebarang permintaan, dengan cara berikut:

Nama : Sheliza Suhana Ahmad  
Jawatan : Ketua Risiko dan Pematuhan, ZICO Holdings Inc. Group  
No. Telefon : +603 9212 0977  
Alamat E-mel : [sheliza.suhana.ahmad@zicoholdings.com](mailto:sheliza.suhana.ahmad@zicoholdings.com)